

“SAHABATKU YANG DIKASIHI DR RAZALI HJ NAWAWI”

(ucapan MKH sempena peluncuran buku memoir Dr Razali Hj Nawawi,
ERTI KEHIDUPAN : MEMOIR LAPAN DEKAD secara online pada 21
Julai 2021, bersamaan 11 *Dhu'l-Hijjah* 1442)

Hubungan saya dengan Ustaz Razali Nawawi boleh dibahagikan kepada 4 Fasa.

FASA 1

Zaman saya belajar di Sultan Ismail College di Kota Bharu Kelantan. Saya mula berkenalan dengan Ustaz Razali pada tahun 1956,1957, 1958 di Lorong Tok Semian tak jauh daripada Masjid al-Muhammadi. Saya belajar di Sultan Ismail College dan beliau belajar di sekolah Arab, Jami` al-Muhammadi. Dia duduk sewa dekat rumah dan mandi di perigi yang sama. Tapi kita tidak banyak berinteraksi. Saya sering balik ke Pasir Mas dengan keretapi dan beliau pun naik keretapi yang sama tapi dia turun di Slow Macang. Beliau sangat kuat azam nak menguasai Bahasa Inggeris sehingga dia sanggup pergi ke SIC waktu malam untuk mengikuti kelas Bahasa Inggeris yang berbayar. Beliau ikut perkembangan pelajaran saya sampai tahun 1968-73 sewaktu saya berada di USA dengan biasiswa Fulbright. Beliau dapat peluang buat MA di UK.

FASA 2

Zaman saya menjadi tenaga tutor dan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam di UKM dari tahun 1973-83.

Tahun 1973 ialah tahun bersejarah bagi saya. Saya pulang ke Malaysia untuk berkahwin dan menjalankan penyelidikan

lapangan di Indonesia. Selepas perkahwinan saya dan isteri duduk beberapa hari dirumah almarhum Ustaz Nik Mahyuddin, pengetua Kolej Islam Malaya. Ustaz Razali pada waktu itu ialah dekan Fakulti Pengajian Islam dan juga sebagai Presiden ABIM. Beliau dtg kerumah Ustaz Nik di Klang khusus untuk mempeyaya saya sebagai tutor FPI di UKM. Dengan penih rasa gembira, saya terima tawaran beliau kerana boleh dapat elaun tutor dan akan bekerja di UKM bukan UM kerana UM belum ada biasiswa untuk pelajar UM sambung pelajaran di luar negara. Itulah permulaan hubungan yang intim, mesra dan berkekalan sampai hari ini.

Saya pulang dari USA akhir tahun tahun 1975 dengan PhD dan juga pengalaman dalam *Muslim Students Association* di Columbia University dan di USA, di mana saya banyak terdedah kepada tokoh-tokoh, buku-buku dan fikrah *al-Ikhwan al-Muslimun*. Di UKM saya membawa perspektif pembaharuan *islahi* dan *tajdidi* ala Ikhwan. Saya amat tertarik dengan tulisan Muhammad Qutb, منهج التربية الاسلامية dan konsep Pendidikan bersepadu yang juga di kembangkan oleh Ustaz Razali dalam pergerakan ABIM. Dan saya ikut sering ikut program dan usrah ABIM. Hubungan saya dan Ustaz Razali semakin erat kerana kami mempunyai *wahdat al-fikr* dan *al-tasawwur al-Islami* yang sama.

FASA 3

Zaman kami bertugas di IIUM 1983-2017 bagi saya dan 1983-2013 bagi Dr dan Professor Razali Nawawi. Di IIUMlah hubungan kami menjadi semakin erat kerana IIUM ialah antara hasil perjuangan ustaz-ustaz seperti Ustaz Razali waktu belajar di Kolej Islam, kemudian di FPI dan waktu memimpin ABIM. Sebagai perintis dan pengasas Kuliyyah Undang-Undang di IIUM, beliau membantu al-Marhum Prof Ahmad Ibrahim sebagai

Dekan pertama KOL sehingg menjadi lebih terkenal dengan Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws. AIKOL menjadi fakulti undang-undang yang terkenal di Malaysia dan diluar negara hasil daripada kepemimpinan yang bijaksana antara Prof Ahmad sebagai mahaguru dan Ustaz Razali sebagai rakannya dan murid Ph.Dnya. Kemudian Dr Razali di naik pangkat sebagai Professor di AIKOL yang menjadi kemuncak dalam karier Ustaz Razali dengan penulisannya dalam Bahasa Inggeris. Tanpa pengorbanan Ustaz Razali dan kawan-kawan daripada FPI UKM dan yang lain-lain yang berpindah ke kullliyyah UndanUndang IIUM, AIKOL tidak akan menjadi institusi pendidikan undang-undang yang unggul di Malaysia dan di dunia Islam. Gandingan antara Prof Ahmad dan Ustaz Razali telah berjaya melahirkan banyak inovasi yang boleh dibanggakan oleh umat Islam dalam dan luar negeri, termasuk sistem double major Civil Law dan Syariah, reformasi sistem pentadbiran undang-undang shar`iah dan peningkatan taraf dan kedudukan mahkamah Syariah dalam sistem perundangan negara.

FASA 4

Zaman pasca IIUM, apabila Dr dan Professor Razali Nawawi mencebur dirinya secar aktif dalam gerakan *Jama`ah al-Tabligh*.

Hubungan saya dengan beliau tetap intim dan kukuh walaupun saya tidak bersama beliau dalam *Jama'ah al-Tabligh*. Setahu saya tidak ramai aktivis Ikhwan atau Jamat-e-Islami memasuki gerakan Tabligh, tetapi bagi Dr Razali di dalam *Jama`ah Tabligh* beliau dapat merasakan peningkatan dan pemurnian kerohanian yang ketara. Beliau berjaya menggabung manhaj haraki dengan manhaj Tablighi secara harmonis dan komplementari. Banyak sekali pengalaman dakwah beliau yang membuahkan hasil ynag menjubkan dalam pengalamannya melakukan *khuruj* selama 40 hari, kemudian selama 4 bulan sambal berdakwah di pelbagai

negara. Tanpa memperkecilkan pendekatan haraki ikwani atau jamaati islami, Dr Razali berjaya melakukan adaptasi-adaptasi kepada beberapa amalan atau ritual Tablighi kerana ilmu agamanya yang autoritatif, pengetahuan Sirah dan sejarah Islam yang mendalam serta hujjah-hujjahnya yang rasional. Dan inovasi serta kreativiti beliau itu dihormati dan di terima baik atau teman-teman dalam *Jama`ah Tabligh*. Kesimpulannya, Dr Razali menjadi seorang *da`ii* yang santun dan berjaya, yang pandai memikat hati orang-orang yang bukan beragama Islam dan bukan sedikit insan yang masuk Islam dengan cara beliau yang penuh hikmah dan lemah lembut, tanpa melupai tradisi haramah islamiyyah ala Ikhwan.

Semenjak beliau bertugas dan memimpin Kulliyah Undang-Undang di IIUM, beliau berjaya melakukan pelbagai penyatuan dan pengintegrasian dalam dirinya: penyatuan fiqh dan law, English dan Arabic, akademik and dakwah. Beliau mengintegrasikan semangat perjuangan harakiyyah dengan mahabbatullah dan dhirullah para Sufi secara mantap dan indah sekali. Keberhasilannya menegaskan kepada saya betapa pentingnya *tarbiyah ruhiyyah* dan *al-da`wah ilallaahi `ala mabaadi insaanniyyatil-islam, al-samhah al-hanifiyyah* dan *rahmaniyyatil-islam li'l-`aalamiin*.

Sebagai penutup, saya ingin menghimbau pesanan *al-Marhum* Bapak Mohamad Natsir yang berbunyi:

*Dan janganlah dipilih hidup ini bagai nyanyian ombak,
Hanya berbunyi ketika terhampas di pantai.
Tetapi jadilah kamu air bah, mengubah dunia dengan
amalmu.
Kipaslah sayapmu keseluruh ufuk.
Sinarilah zaman dengan nur imanmu.
Kirimkan cahaya dengan kuat yakinmu.
Pastikan segala dengan nama Muhammad.*

Dalam ucapan terakhirnya *Al-Marhum* Pak Natsir di atas katil hospital tahun 1991 beliau mengutip serangkap syair Ahmad Shauqi Bey:

قف دون رأيك في الحياة مجاهداً
ان الحياة عقيدة وجهاد

Tegaklah pendirianmu dalam kehidupan sebagai seorang pejuang.

Kerana sesungguhnya yang dinamakan kehidupan itu tak lain daripada Akidah dan Perjuangan (innal hayaata `aqiidatun wa jihaadu)

Saya berpendapat semangat perjuangan *al-Marhum* Pak Natsir mengalir dalam darah daging sahabat baik saya al-Ustadh al-Kabir Dr. Razali Hj Nawawi.

Sekian, terima kasih